

01/06/1997

Agong hantar perutusan

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan tahniah kepada Samoa Barat sempena sambutan hari kemerdekaannya, semalam.

Dalam perutusannya kepada Raja Samoa Barat, Malietoa Tanumafili II, Tuanku Ja'afar berharap agar hubungan dan kerjasama di antara Malaysia dan Samoa Barat akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi.

Dr Mahathir dalam perutusan kepada rakan sejawatannya, Tofilau Eti Alesana, yakin hubungan dua hala yang sedia terjalin akan diperkukuhkan lagi. - Bernama

(END)